

SAMBAR MALAYSIA
Rufous-vented Niltava

FAMILI: Muscicapidae
NAMA SAINTIFIK: Rufous-vented Niltava

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Rufous-bellied Niltava, *Niltava sundara*, tetapi saiznya adalah lebih kecil. Warna biru yang berkilat pada bahagian atas badan adalah lebih gelap manakala pada bahagian bahu tidak terdapat tompokan. Pada bahagian tengkuk, terdapat tompokan yang kurang jelas kelihatan. Bahagian bawah badan pula berwarna hitam gelap. Bagi individu betina dewasa pula, bahagian atas mahkota kepala berwarna kelabu. Bahagian atas badan, sayap dan ekor adalah lebih gelap dan berwarna kemerahan. Pada bahagian tengkuk, tidak terdapat tompokan berwarna putih. Bahagian atas dada berwarna kuning pucat yang cerah di mana terdapat jalur-jalur gelap. Bulu pada bahagian ekor pula berwarna kemerahan.

SAIZ

Burung dewasa spesies ini mempunyai saiz di antara 15-15.5 sm.

MAKANAN

Serangga-serangga kecil.

HABITAT

Kawasan hutan dipterokap pada ketinggian sehingga ke 1,525 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang berterusan termasuk bunyi siulan iaitu seakan-akan bunyi spesies Sambar Ranting, *Eumyias thalassina*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah di antara bulan Februari-Mei di mana sarang dibina pada bahagian kanopi pokok dan berbentuk seperti cawan yang dalam.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya